

ASPEK FIQH DALAM KITAB ULAMA' ALAM MELAYU *MINHAT AL-QARÎB AL-MUJÎB WA MUGHNÎ AL-RÂGHIBÎN FÎ AL-TAQRÎB* OLEH AL-SYEIKH WAN ABDUL SAMAD BIN MOHAMMAD SALLEH (TUAN TABAL): SATU ANALISIS AWAL
(THE ASPECT OF FIQH IN KITAB ULAMA' ALAM MELAYU *MINHAT AL-QARÎB AL-MUJÎB WA MUGHNÎ AL-RÂGHIBÎN FÎ AL-TAQRÎB'S* BY AL-SYEIKH WAN ABDUL SAMAD BIN MOHAMMAD SALLEH (TUAN TABAL): A PRELIMINARY ANALYSIS)

Mohd Roslan Mohd Nor

Abstrak

Tuan Tabal merupakan tokoh Ulama' yang tidak asing di kalangan masyarakat Islam Nusantara. Beliau telah banyak memberikan sumbangan di dalam bidang pengajian Islam dengan menghasilkan beberapa kitab yang menjadi bahan pengajian sama ada di surau, masjid ataupun di pondok-pondok pengajian agama. Walaupun kitab ini sudah bertapak lama di Nusantara, sebahagian masyarakat masih belum mengetahui sumbangannya terutama di dalam bidang fiqh, termasuk tema-tema penulisan yang mengkaji perkara-perkara yang melibatkan pembinaan diri dan jiwa Muslim. Oleh itu, kertas ini akan meneliti secara khusus sumbangan Tuan Tabal dalam bidang fiqh berdasarkan kitab karangan beliau iaitu kitab *Minhat al-Qarib al-Mujib Wa Mughni al-Raghibin fi al-Taqrîb*.

Abstract

Tuan Tabal is one of the famous Muslim Scholars among the Muslims of the Malay World. He has profoundly contributed in the field of Islamic education and studies by producing a number of kitabs (books) use in the informal studies in surau (praying hall but not for Jum'ah prayer), the mosques or pondoks (informal type of schools). Even though his kitabs have been written a long time ago, some of the people still do not know his contribution especially in areas such as Fiqh, including themes related to human development and Muslim spirituality. This paper, therefore, will attempt to examine the contribution of Tuan Tabal historically in the area of Fiqh according to one of his books Minhat al-Qarib al-Mujib Wa Mughni al-Râghibin fi al-Taqrîb.

Pengenalan

Penyebaran Islam secara umumnya disebarkan kepada masyarakat antaranya adalah untuk memperkembangkan minda masyarakat setempat dari sudut intelektual dan moral sebagai pra-syarat kepada masyarakat manusia dalam perkembangan tamadun atas kedudukan manusia sebagai khalifah bumi. Sejarah dunia dewasa ini terpaksa mengakui bahawa Islam telah melahirkan suatu kecemerlangan tamadun yang menyeluruh sebagai pembuktian yang telah membawa keamanan dan kesejahteraan kepada dunia sejagat akibat teretusnya keilmuan institusi Ulama'. Sinar Islam yang telah mula menembusi Nusantara dari kurun ke-7 Masihi lagi dan seterusnya semakin bergemerlapan selepas kurun ke-13 Masihi, telah menumbuhkan bibit pembudayaan Islam terhadap penganutnya di alam ini. Proses tersebut hasil daripada pemupukan para da'ie yang tidak mengenal erti lelah dan jemu bahkan mengharapkan keredaan Allah SWT (Wan Abdullah Bin Hj. W. Mahmood:1997).

Kelantan merupakan sebuah negeri Melayu yang unik dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri dengan melahirkan tokoh-tokoh yang terkenal, baik tokoh-tokoh politik, sasterawan, budayawan, mahupun tokoh-tokoh agama yang menarik minat kebanyakan pengkaji sejarah untuk menyiasat dan mengkaji perkembangan fikiran, ugama, kesusasteraan serta kebudayaan masyarakat yang tumbuh dan berkembang sejak beberapa abad yang lampau (Alias Muhammad:1977). Negeri Kelantan ialah pusat perkembangan kesusasteraan yang ulung kerana

daripada fakta-fakta penyelidikan yang telah dilakukan menggambarkan khazanah ilmu dan sastera di negeri itu banyak sekali, baik yang berpusat di istana, pondok ataupun dalam masyarakatnya dan rakyatnya tersendiri. Perkembangan agama Islam di Kelantan bermula ketika Patani masih merupakan sebahagian dari Kelantan iaitu pada awal abad ke 19.¹ Pada masa itu lahir beberapa Ulama' Islam yang masyhur dan wujudnya beberapa karangan yang terkenal dalam Bahasa Melayu. Sebagai contoh Ab Razak Mahmud mengemukakan pandangan bahawa:

“tujuh orang tokoh ulama besar negeri Kelantan yang diketahui telah berperanan dalam melahirkan dan memperkembangkan tradisi pengajian ilmu-ilmu Islam, mewujudkan budaya ilmu serta mencorakkan kehidupan Islamiyah di Negeri Kelantan Darul Naim dalam tempoh dua abad yang berakhir sehingga abad ke-20 ini... tujuh orang tokoh Ulama' besar di Kelantan ialah Tok Pulai Chondong (1792-1873), bernama Haji Abdul Samad Bin Faqih Haji Abdullah Bin Imam Hashim, Tok Wan Ali Kutan (1820-an-1913), bernama Haji Wan Ali Bin Abdul Rahman Bin Wan Ghafur, Tuan Tabal (1840-1890-an) bernama Haji Abdul Samad Bin Muhammad Salih al-Kelantani, Tok Kenali (1870-1933) bernama Haji Muhammad Yusuf Bin Ahmad, Hj Abdullah Tahir Bunut Payung (1897-1961), Dato' Haji Muhammad Nor Ibrahim (1905-1987) dan Haji Hassan Idris (1926 hingga sekarang)”.

(Ibrahim Abu Bakar, 2006:362)

Selain itu, Abdullah Tahir dalam penulisannya menyatakan:

“kegiatan penyebaran ilmu pengetahuan terutama mengenai ajaran Islam dan falsafah pada peringkat awal lebih banyak dilakukan oleh tiga orang ulama' yang terkemuka. Ulama'-ulama itu ialah Tuan Haji Abdul Samad Bin Muhammad Saleh (1816-1891), yang lebih terkenal dengan nama Tuan Tabal, Haji Wan

¹ Ada sumber yang mengatakan agama Islam tiba di Kelantan dalam pertengahan abad ke 12, di bawa oleh seorang Sheikh dari Pattani. Lihat Saad Shukri Bin Haji Muda, *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, Kelantan: Pustaka Aman Press, h.28.

Ali Bin Abdul Rahman dan Haji Muhammad Yusuf Ahmad atau lebih dikenali dengan nama Tok Kenali.”

(Abdullah Tahir, 1985:3)

Daripada pernyataan-pernyataan ini, kelihatan jelas bahawa antara tokoh utama yang berperanan dalam pendidikan dan persuratan di Alam Melayu ialah Tuan Tabal. Tuan Tabal masyhur sebagai seorang Ulama' dan dalam masa yang sama sebagai ahli sufi. Ketokohan dalam bidang tasawuf dan beberapa bidang ilmu agama memang diakui oleh ramai alim Ulama' yang lain khususnya di negeri tempat kelahirannya iaitu Kelantan (Ab Manaf Haji Ahmad & Tajuddin Saman:2005). Memandangkan hasil persuratan beliau masih belum dihimpun, dikaji dan dihurai dan dipersembahkan secara akademik dan tersusun, maka wajar inisiatif penyelidikan ini diambil ke arah memartabatkan hasil penulisan seorang tokoh Alam Melayu ini.

Riwayat Hidup Tuan Tabal

Nama sebenar beliau ialah Haji Abdul Samad Bin Muhammad Salih al-Kelantani. Beliau dilahirkan lebih kurang pada tahun 1840 dan meninggal pada tahun 1891 (Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Hassan:1977). Tetapi tarikh lahirnya yang tepat belum dapat dikesan. Namun, para peneliti sejarah pernah mengetengahkan dua tahun yang berbeza iaitu tahun 1816 dan 1840. Ada yang beranggapan bahawa tahun 1840 itu dianggap lebih tepat daripada tahun 1816 (Ismail Che Daud:2001).

Setengah kajian menyatakan nama penuh beliau ialah Haji Wan Abdul Samad bin Wan Muhammad Salih bin Wan Abdul Latif al-Fatani(Wan Mohd Saghir:2006). Dari segi nama, tidak terdapat pertikaian tentangnya dan nama tersebut merupakan nama beliau yang turut dikenali ramai. Beliau dilahirkan di Kampung Tabal, meninggal dunia di Kota Bharu² dan dikebumikan di tanah perkuburan ahli keluarganya di Banggol.³ Wujudnya gelaran Tuan Tabal ke atas dirinya

² Ibrahim Abu Bakar (2006), *op. cit.*, h. 370.

³ Penyelidik (Dr Roslan) telah berkesempatan menziarahi pusara Tuan Tabal secara kebetulan pada Isnin, 20 April 2009 ketika menziarahi pengkebumian nenek sebelah isteri, di mana kawasan pengkebumian adalah bersebelahan dengan perkuburan ahli keluarga Tuan Tabal ini.

kerana beliau berasal dari Tabal, iaitu satu tempat yang sekarang berada dalam wilayah Siam di Selatan Thailand. Sudah menjadi kelaziman di dalam tradisi masyarakat Islam Kota Bharu apabila munculnya seorang ulama' masyhur, maka ulama' itu akan diberi gelaran nama tempat asal kampung beliau.⁴

Menurut beberapa pengkajian, Tuan Tabal adalah anak yang sulung daripada lapan beradik. Saudara-saudaranya yang lain ialah Maimunah, Salamah, Said, Haji Yusuf, Haji Abdul Rahman, Haji Uthman dan Haji Taib. Ibunya bernama Tok Cu Mah berpusara di Patani, manakala bapanya yang lebih dikenali dengan panggilan Haji Wan Leh, dikebumikan di Pangkalan Kubor, Tumpat.⁵ Tidak dapat dinafikan bahawa Tuan Tabal adalah termasuk dalam lingkungan kekeluargaan besar para Ulama' Patani yang terkenal seumpama Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, Syeikh Muhammad bin Ismail ad-Daudi al-Fatani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, dan lain-lain.⁶ Bapa beliau merupakan seorang imam di Tabal (Abdullah @ Alwi Haji Hassan:2006) Oleh sebab itu, pengajian asas agamanya diperoleh daripada bapanya sendiri. Kesan daripada pendidikan awal bapanya, Wan Abdul Samad mempunyai kecenderungan hidup sebagai seorang yang taat kepada agamanya dan warak.

Peristiwa penghijrahan beliau ke Kota Bharu terjadi kira-kira dalam tahun 1870. Ringkasnya, Tuan Tabal dikahwinkan oleh Tok Semian dengan anaknya yang dikenali sebagai Wan Kalsom atau Wan Som. Perkahwinannya dengan isteri pertama dikurniakan enam orang anak, iaitu Wan Muhammad/Ahmad, Wan Musa, Wan Omar, Wan Abdullah, Wan Aishah dan Wan Fatimah. Anaknya yang paling terkenal ialah Haji Wan Muhammad, Haji Wan Musa dan Haji Wan Abdullah. Namun ada juga sesetengah pengkaji yang mengatakan perkahwinan dengan Wan Som merupakan perkahwinan kedua Tuan Tabal, dan isteri yang ketiganya ialah Hajah Baru yang dijodohkan oleh Engku Embong (Hamdan Hassan:1985). Namun kesahihannya masih perlu dikaji.

⁴ Ibrahim Abu Bakar (2006), *op. cit.*, h. 40.

⁵ Ismail Che Daud (2001), *op. cit.*, h. 102.

⁶ Wan Mohd Saghir (2006), *op. cit.*, h. 3.

Perkahwinan dengan isteri kedua, Hajah Baru melahirkan pula Pak Da Che Mat “Tukang Nasyid” dan Che Wook. Che Mat bertugas sebagai Kerani Mahkamah Syara’ manakala Che Wook bertemu jodoh dengan Haji Mahmud Pasir Hor. Setelah berkahwin dengan Wan Som, Tuan Tabal terus tinggal secara tetap di Kota Bharu dan mendirikan sebuah surau di Lorong Tok Semian, yang letaknya tidak begitu jauh dari Masjid Besar Muhammadi.⁷ Tuan Tabal merupakan Ulama’ yang sezaman dengan Tok Wan Ali Kutan, cuma kedua-duanya tinggal di tempat yang berbeza, walaupun asal mereka sama iaitu Kelantan (Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi:2006). Bahkan kedua-dua tokoh Ulama’ ini sangat tersohor sebagai pengarang kitab jawi abad ke-19 yang berasal dari Kelantan. Tok Wan Ali Kutan bergiat di Mekah, manakala Tuan Tabal bergiat di Kelantan. Tuan Tabal ditakdirkan tidak berusia panjang. Beliau disebut-sebut meninggal ketika baru berumur 51 tahun, tetapi tarikh tepat belum ditemui. Namun begitu, beberapa orang penulis sebelum ini (termasuk cicitnya sendiri) merumuskan sekitar tahun 1891.

Pendidikan

Setelah mendapat pendidikan asas daripada bapanya dan beberapa orang guru lain di masjid Tabal, beliau semasa berumur belasan tahun telah mengembara ke Besut Terengganu untuk melanjutkan pengajian agamanya.⁸ Beliau mempelajari ilmu Nahu dan Saraf Arab, Fiqh Syafi’iyyah, Tasawuf dan Usuluddin. Di samping mahir dalam ilmu Tasawuf, Tuan Tabal juga menguasai ilmu Fiqh, Usuluddin, Tafsir, Hadith, Nahu, dan Saraf Arab. Begitu juga dalam bidang ilmu-ilmu Mantik, Balaghah, ‘Arud dan lain-lain. Setelah beberapa tahun belajar di Besut, Wan Abdul Samad berangkat ke Mekah untuk meneruskan pengajian Islamnya pada peringkat yang lebih tinggi. Sesetengah sumber mengatakan Tuan Tabal juga semasa kecilnya turut mendapat pendidikan di pondok Patani di Selatan Siam dan kemudian menyambung pelajaran agamanya di Mekah al-Mukarramah.⁹

⁷ *Ibid*, h. 157.

⁸ Abdullah @ Alwi Haji Hassan (2006), *op. cit*, h. 402.

⁹ Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Hassan (1977), *op. cit*, h. 40-41.

Di Mekah salah satu daripada guru beliau ialah Sidi Ibrahim, murid kepada Sidi Ahmad Ibn Idris, pengasas tariqat Ahmadiyah dari Afrika Utara. Oleh sebab itu, Tuan Tabal dianggap sebagai antara ulama' terawal menyebarkan tariqat ini di Nusantara berdasarkan kepada fakta bahawa beliau mendapat tariqat tersebut daripada lapisan kedua dan beliau sendiri merupakan lapisan ketiga menurut salasilahnya.

Beliau pulang dari Mekah ke kampungnya pada tahun 1860-an. Di kampungnya, beliau mula bergiat menyebarkan ilmu yang diperolehnya semasa di Mekah. Pengajarannya secara *halaqah*, atau secara sistem persekolahan pondok telah mendapat sambutan daripada orang ramai.

Sumbangan Dalam Bidang Penulisan

Tuan Tabal bukan sahaja terkenal sebagai seorang yang bijaksana dalam mengajar dan mendidik masyarakat, tetapi juga merupakan seorang tokoh yang berpandangan jauh. Beliau telah berusaha menterjemah dan menyediakan kitab/risalah pengajaran yang sesuai dijadikan teks pengajian dan bahan telaah dalam sistem pengajian halaqah pondok dan seumpamanya.¹⁰ Abdul Razak Mahmud menyatakan bahawa Tuan Tabal menghasilkan tujuh buah kitab agama. Tujuh buah kitab karangan beliau tersebut ialah *Minhat al-Qarib*, *Jalâ' al-Qulûb*, *Munabbih al-Ghâfilîn*, *Bidâyat al-Ta'lim*, *Kifâyat al-'Awwâm*, Bab Harap dan *Manhaj Ahl al-Awbat fi Bayân al-Tawbat* (Ibrahim Abu Bakar:2006). Abdul Razak Mahmud menyenaraikan nama tujuh kitab agama karangan Tuan Tabal ini dan dapat dilihat bahawa kebanyakan hasil karyanya adalah dalam bidang tasawuf. Oleh yang demikian, Tuan Tabal dikenali kerana karyanya dalam bidang tasawuf dan juga penglibatannya dalam amalan Tariqat Ahmadiyah. Menurutnya:¹¹

“Kemasyhuran Tuan Tabal bukanlah kerana pondoknya yang besar atau muridnya yang ramai, tetapi kerana pengaruh ajaran tasawuf dan Tarekat Ahmadiyah yang dibawanya dan juga kitab-kitab karangannya. Terdapat sejumlah tujuh buah kitab

¹⁰ Ismail Che Daud (2001), *op. cit.*, h. 105.

¹¹ *Ibid.*, h. 371.

karangan beliau yang telah diterbitkan setakat ini. Kebanyakannya dalam bidang tasawuf”.

(Ibid:371)

Di samping itu, kitab *Minhat al-Qarib* boleh digambarkan sebagai karya utama Tuan Tabal yang menghimpunkan pelbagai disiplin ilmu yang dikuasainya. Ia membincangkan mengenai beberapa asas ilmu yang penting seperti Tauhid, Fiqh dan Tasawuf. Oleh kerana sumbangan penulisan beliau merangkumi pelbagai disiplin, maka kami sebagai penyelidik cuba untuk memilih salah satu aspek yang menjadi kandungan kitabnya dan menggambarkan kekuatan penguasaan terhadap ilmu yang beliau pelajari. Oleh yang demikian, perbincangan seterusnya adalah tertumpu kepada kitab karya utama beliau dan seterusnya aspek-aspek fiqh di dalam kitab ini akan dihuraikan.


Pengenalan Awal Kitab Minhat al-Qarib al-Mujib Wa Mughni al-Râghibîn fi al-Taqrîb

Hasil karya Tuan Tabal ini adalah termasuk dalam kelompok kitab kuning¹². Kitab ini turut dikenali dengan nama ringkasnya iaitu *Minhat al-Qarib*. Ianya digunakan oleh Tuan Tabal dan juga pewaris-pewarisnya untuk di ajar di sekolah pondok yang didirikan beliau di Kelantan. Kitab ini merupakan kitab karangan beliau yang mengandungi sebanyak 328 halaman. Ia dianggap tebal mengikut *standard* kitab-kitab kuning yang ditulis sekitar era awal abad ke-20. Ia dimulakan dengan perkara berkaitan dengan bab Tauhid, diikuti dengan Fiqh dan diakhiri dengan bab Tasawuf. Tuan Tabal sebenarnya telah menjelaskan di muka hadapan kitabnya tentang tiga disiplin ilmu ini yang dibahaskan (gambar 1).

Dari segi fizikal, kitab ini menggunakan kertas bidang besar berwarna agak kekuningan. Tulisannya adalah dalam bentuk bertaip


¹² Kitab kuning bermaksud kitab agama yang dicetak dalam kertas yang agak kekuning-kuningan. Ianya banyak digunakan dalam pengajaran terutama di sekolah pondok, sekolah agama tradisional, pesantren, masjid dan surau. Sebahagian besar kitab ini mempunyai bidang yang besar dan tidak berjilid. Pada masa ini, kitab kuning telah dicetak kembali menggunakan kertas berwarna putih dan berjilid. Ahmad Juhari Moain (1996), *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: DBP, h. 48.

kemas dan berada dalam bingkai kotak ringkas. Hiasan hanya terlihat pada muka depan kitab ini yang ditaip dalam bingkai susunan daun (gambar 1).




Gambar 1: Gambar ini menunjukkan penjelasan Tuan Tabal tentang tiga disiplin ilmu yang disentuh dalam kitab *Minhat al-Qarîb*. Ia juga memperlihatkan bingkai yang digunakan pada muka depan kitab ini.

Pada muka awal atau permulaan kitab, iluminasi yang digunakan mempunyai bentuk corak geometri yang disusun membentuk kubah (gambar 2).



Gambar 2: Corak yang membentuk kubah pada permulaan kitab *Minhat al-Qarib*

Bagi permulaan setiap bab, tajuk-tajuk dihiasi dengan corak awan larat yang menarik dan ringkas. Pada akhir kitab juga, perkataan-perkataan disusun membentuk kubah terbalik (gambar 3).



Gambar 3: Muka surat akhir kitab *Minhat al-Qarib* yang menunjukkan pengarangnya menyusun tulisan membentuk seperti kubah terbalik.

Bentuk tulisan yang digunakan dalam karangan beliau ini adalah bercampur antara tulisan Jawi pengaruh Arab tahap kedua¹³ dan juga pengaruh Melayu tahap pertama.¹⁴ Kadang kala kita akan menemui bentuk ejaan pengaruh Melayu tahap kedua dalam kitab ini.¹⁵ Namun bentuk ejaan paling banyak ditemui adalah dari jenis ejaan Jawi pengaruh Melayu tahap pertama. Contoh ejaan tersebut adalah seperti berikut: Ejaan Jawi pengaruh Arab tahap kedua 'maka' (مَك); 'hamba' (هَمَب). Ejaan pengaruh Melayu tahap pertama, masuk (ماسق); oleh (اوله). Manakala ejaan pengaruh Melayu tahap kedua, ditilikkan (دتيليك كن).

Dari segi bahasa pula, ia menggunakan bentuk Bahasa Melayu Klasik. Kadangkala kita dapat melihat terdapat sedikit unsur-unsur pengaruh Arab dalam gaya penulisan. Perkara ini bukanlah mustahil kerana pendidikan yang diterima oleh seseorang penulis biasanya mempengaruhi bentuk penulisan mereka. Hal pengaruh Arab jelas

¹³ Perkembangan tulisan Jawi telah melalui beberapa tahap. Tulisan Jawi pengaruh Arab tahap pertama adalah penggunaan tulisan Jawi seperti huruf-huruf Arab dan cara tulisan menggunakan baris kepada setiap perkataan yang dieja. Contohnya seperti ejaan لَكْ untuk perkataan laku. Ia juga mempunyai 5 huruf tambahan yang menggunakan 'rumah' huruf Arab. Ia melibatkan huruf *cha* (چ), *nga* (غ), *pa* (ف), *ga* (ق) dan *nya* (ن). Manakala tulisan Jawi pengaruh Arab tahap kedua pula bermaksud tanda baris telah dibuang atau lebih mudah ejaan perkataan tidak lagi menggunakan tanda baris. Contohnya seperti ejaan كَلْ untuk perkataan laku. Lihat umpamanya Amat Juhari Moain (1988), 'Perkembangan Terakhir Tulisan dan Pengajaran Jawi,' *Kolokium Bahasa Melayu ke-2*, Tanjung Malim: Institut Perguruan Sultan Idris, 16 – 17 September, h. 5; Abdullah Hasan & Ainon Mohd (1994), *Bahasa Melayu Untuk Maktab Perguruan*, cet. 2, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 100; Syed Muhammad Naquib al-Attas (1984), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: YADIM, h. 41, dan Kang Kyoung Seock (1993), *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 3 – 35.

¹⁴ Tulisan Jawi pengaruh Melayu tahap pertama bermaksud huruf saksi atau huruf vocal diletakkan pada suku kata pertama sahaja. Ia melibatkan tiga huruf vokal iaitu alif (ا), wau (و) dan ya (ي). Contoh ejaan seperti كَالْ untuk perkataan laku. Bentuk ejaan sebegini masih kabur tentang beberapa perkataan. Oleh itu, lahiriah tahap yang kedua di mana huruf vokal dimasukkan pada suku kata pertama dan kedua. Contohnya وِكَالْ untuk perkataan laku. Perkembangan ini telah menyebabkan tulisan Jawi berkembang kepada 4 tahap, iaitu 2 tahap bagi tulisan Jawi pengaruh Arab dengan menggunakan baris dan menghilangkan baris. Kemudian, perkembangan 2 tahap lagi berlaku kepada tulisan Jawi pengaruh Melayu dengan penambahan huruf vokal pada suku kata pertama dan seterusnya di tambah pada suku kata kedua. Sila lihat Kang Kyoung Seock (1993), *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*, h. 3 – 35; Norhayati binti Wasoh @ Mohamad Isa (2007), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi: Kajian Terhadap Majalah Warta Jabatan Agama Johor*, (Latihan Ilmiah), Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 33 – 36.

¹⁵ Tulisan Jawi pengaruh Melayu tahap kedua bermaksud penggunaan huruf vokal untuk setiap suku kata mula dilakukan. Sila lihat umpamanya Kang Kyoung Seock (1993), *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*, h. 3 – 35.

kelihatan pada penggunaan istilah-istilah Arab seperti *majrub*, *majhul* dan lain-lain. Penulisan karya ini juga kadangkala dilihat terikat dengan penterjemahan daripada bahasa Arab yang berbunga-bunga dan kemudiannya disesuaikan dengan konteks bahasa Melayu. Antara perkataan yang biasa kita baca dapat karya-karya kitab kuning adalah seperti arakian, hatta, sayugia dan karangan Tuan Tabal turut mengandungi gaya bahasa tersebut.

Pada pendahuluan kitab ini, ia membicarakan tentang sinopsis ringkas kandungannya. Tuan Tabal memasukkan beberapa ayat al-Quran dan Hadith dalam menerangkan beberapa kelebihan ilmu. Beliau turut menyelitkan beberapa pandangan tokoh dalam pendahuluan ini seperti kata-kata dari Imam al-Ghazali, Abdul Qadir Idrus dan lain-lain.

Seterusnya, beliau membuka tajuk penulisannya dengan membentangkan tentang bab al-Aqidah. Di dalam bab ini, beliau menerangkan tentang perkara-perkara asas tauhid ataupun akidah. Beliau menerangkan tentang hal-hal seperti sifat-sifat yang wajib bagi Allah berserta lawannya selain sifat-sifat bagi Nabi dan Rasul. Bab ini juga ada menyatakan tentang kewajipan mempercayai kandungan rukun iman serta seksa bagi mereka yang mengingkarinya. Bab ini adalah bab yang paling minoriti dengan hanya ditulis sebanyak lebih kurang dua muka surat. Namun terdapat beberapa hal yang berkaitan dengan tauhid ditulis di antara bab-bab Fiqh seperti bab *Riddah*¹⁶.

Setelah itu, Tuan Tabal meneruskan penulisannya dalam bidang Fiqh yang meliputi bab ibadah seperti solat, puasa, haji dan umrah, *taharah*, *istinjak*; bab muamalah seperti *riba*, *wadi'ah*, *al-'Ariah* (pinjaman), jual beli; bab *munakahat* seperti nikah kahwin, *talak*, *khulu'*, *li'an* dan sebagainya. Penulisannya dalam bahagian ini dapat dilihat bermula daripada muka surat 7 hinggalah muka surat 224. Bidang penulisan Feqah ini dimulai dengan tajuk *Kitab al-Taharah* dan diakhiri dengan perbincangan dengan status hamba yang melahirkan anak bagi tuannya yang dibincangkan di bawah tajuk *Fasl Fi Ahkâm Ummahât al-Awlâd*.

¹⁶ *Riddah* bermaksud murtad. Ada kemungkinan bab riddah diletakkan di bahagian perbincangan fiqh disebabkan oleh ia melibatkan hukuman dan hukum-hakam.

Seterusnya ia menyambung kepada penulisan dalam bidang Tasawuf yang bermula daripada muka surat 224 hingga akhir iaitu muka surat 328. Bagi bidang ini, beliau memulakan dengan tajuk Bab Taubat hinggalah kepada bab terakhir iaitu bab adab berzikir.

Sebagai penutup kitab, Tuan Tabal mengakhiri penulisannya dengan menyatakan puji-pujian kepada Allah kerana telah berjaya menyiapkan penulisannya. Antara isi penutup penulisan ini ialah kata-kata merendah diri daripada beliau sekiranya terdapat kesalahan dalam penulisannya. Pada akhir penulisannya juga, Tuan Tabal menyatakan kitab-kitab utama yang beliau rujuk semasa menulis kitab ini. Kitab-kitab tersebut ialah Kitab *Ihyâ' 'Ulûm al-Dîn, Minhâj al-'Âbidîn, Bidâyat al-Hidâyat* karangan Imam al-Ghazali, *Kitâb Bahr al-Mawrûd* dan *Sharh Wasiyat Matbuliah* karangan Syeikh Abdul Wahab al-Sya'rani.

Perbincangan Isu-Isu fiqh dalam kitab *Minhat al-Qarîb al-Mujîb Wa Mughnî al-Râghibîn fi al-Taqrîb*

Bahagian terbesar perbincangan kitab *Minhat al-Qarîb* adalah berkaitan dengan Fiqh. Perbincangan berkaitan disiplin fiqh adalah menjadi perbincangan tumpuan dan mendominasi kitab dengan mengambil ruang terbanyak sekitar 4/7 dari keseluruhan halaman kitab. Perbincangan Fiqh dalam kitab ini adalah lebih luas berbanding kitab-kitab Fiqh yang ditulis dalam era semasa dengannya, kerana ia merangkumi perbincangan yang luas melibatkan Fiqh Ibadat, Fiqh Keluarga (munakahat), Fiqh Mu'amalat, dan Fiqh Jinayat. Keadaan ini meletakkan *Minhat al-Qarîb* merupakan kitab fiqh yang paling lengkap berbanding Kitab Fiqh yang pernah ditulis dalam tempoh zaman yang sama. Namun, dalam penulisan ini tidak keseluruhan isu Fiqh yang dapat dibincangkan, hanya beberapa isu sahaja yang boleh dikemukakan seperti Fiqh Ibadah dan Munakahat yang agak terperinci di dalam kitab tersebut, dan ini yang akan dibincangkan.

Aspek Fiqh Munakahat

Antara perbincangan Kitab *Minhat al-Qarîb* dalam bab munakahat, Tuan Tabal telah membahagikan beberapa bab dalam membahaskan persoalan-

persoalan tertentu yang berkaitan dengannya. Pengkaji mendapati sebanyak 12 bab telah diasingkan antara satu sama lain. Bab pertama yang disebutkan sebagai bab pendahuluan, terdapat 10 fasal kecil yang dibincangkan iaitu fasal hukum perkahwinan, fasal aurat, meminang, rukun nikah, fasal orang akad nikah, fasal orang ditegah daripada nikah, fasal *kufu'*, fasal *jima'* dan fasal *nikah kafir*. Seterusnya dalam bab dua, pengarang kitab memperkatakan tentang *khiyar* iaitu pilihan sama ada untuk fasakhkan nikah ataupun tidak. Bab tiga adalah berkaitan dengan isi kahwin ataupun disebutkan sebagai mahar. Terdapat dua fasal kecil dalam bab ini yang dibincangkan iaitu fasal *mut'ah* dan *walimatul urus*.

Bab empat pula memperkatakan tentang *nusyuz* ataupun isteri yang derhaka. Fasal yang terdapat dalam bab ini ialah tentang bergilir isteri dan *nusyuz* sendiri. Seterusnya dalam bab lima adalah tentang *khulu'* iaitu tebus talak. Dalam bab yang keenam pula, pengarang memperkatakan tentang talak dan terdapat dua fasal sebagai pembahagiannya iaitu fasal pembahagian hukum *talak* dan *ta'lik talak*. Dalam bab tujuh memperkatakan tentang rujuk. Turut dimuatkan dalam bab ini ialah fasal *illah* dan *zihar*.

Dalam bab lapan pula secara khusus pengarang hanya menyebut tentang *li'an* dan tiada fasal atau perenggan kecil yang didapati dalam bab ini. Seterusnya dalam bab sembilan, pengarang membahaskan tentang *iddah* dan terdapat satu fasal kecil di bawah bab ini iaitu fasal hukum perempuan beriddah. Bab ke-10 adalah berkenaan dengan *istibra'*. Bab ini juga tidak mempunyai fasal kerana perbincangannya tidak terlalu panjang. Seterusnya dalam bab *ridha*, ataupun menyusu tidak mempunyai fasal. Bab yang terakhir dalam kitab *munakahat* ini adalah bab *nafkah*. Terdapat dua fasal kecil yang dibincangkan dalam bab ini iaitu fasal *nafkah kerabat* dan juga *hadhanah*.

Aspek Fiqh Ibadah

Dalam bidang fiqh ibadah pula Rukun Islam merupakan perkara asas yang utama di dalam fiqh ibadah. Beliau menekankan bahawa Rukun Islam ini terbahagi kepada lima perkara, sepertimana juga terdapat di dalam Hadith-hadith yang masyhur, iaitu:

1. Mengucap dua kalimah syahadah iaitu memperakui bahawa tiada tuhan selain Allah dan Rasulullah merupakan pesuruh Allah.
2. Menunaikan sembahyang lima waktu sehari semalam.
3. Berpuasa selama sebulan di bulan Ramadan.
4. Membayar zakat.
5. Menunaikan haji bagi yang kuasa dan berkemampuan.

Semua perkara tersebut telah dibincangkan secara terperinci di dalam ilmu fiqh ibadah. Ia membincangkan cara melaksanakan sesuatu ibadah sama ada dalam bentuk teori atau praktikal dengan disertai syarat-syarat yang tertentu. Contohnya seperti ibadah sembahyang. Ibadah sembahyang disentuh secara teori dan praktikal bagi lebih memudahkan pemahaman untuk melaksanakannya. Ibadah sembahyang ini melibatkan aspek perbuatan, percakapan atau perkataan dan khushyuk atau tumpuan ketika melaksanakannya. Selain itu setiap ibadah ini juga disentuh tentang tujuan ia dilakukan dan kelebihan yang diterima ketika melakukannya.

Waktu sembahyang fardu yang utama ialah lima waktu dalam sehari dan semalam. Ia pada waktu Subuh iaitu apabila naiknya fajar Subuh dan disebut sembahyang Subuh. Pada waktu tengahari iaitu setelah gelincir matahari daripada kedudukan menegak di atas kepala yang disebut sembahyang Zuhur. Pada waktu petang iaitu apabila bayang-bayang sesuatu benda menjadi semakin memanjang sehinggalah tenggelamnya matahari dan disebut sebagai sembahyang Asar. Manakala pada waktu tenggelamnya seluruh bulatan matahari sehingga hilangnya cahaya merah senja, ia disebut sebagai Sembahyang Maghrib. Sembahyang Isyak pula ialah apabila telah hilang cahaya merah senja sehingga naik cahaya fajar Subuh. Selain sembahyang fardu ini ada juga sembahyang fardu yang lain seperti sembahyang Jumaat dan banyak juga sembahyang sunat yang diperbincangkan di dalam fiqh ibadah.

Ibadah puasa utama yang disentuh ialah ibadah puasa di bulan Ramadan. Ibadah ini diwajibkan ke atas setiap Muslim yang telah *mukallaf*. Ibadah ini dibincangkan di dalam ilmu fiqh dengan menyentuh berkenaan hukum kewajipan melaksanakannya, rukun puasa, dan syarat-syaratnya sama ada syarat wajib dan syarat sah puasa. Ia juga melibatkan perkara-perkara yang membatalkan puasa, permasalahan terhadap orang

yang tidak mampu berpuasa dan kifarah yang dikenakan terhadap orang yang tidak berpuasa (Asyraf Al-Hasyir:1996). Dibincangkan juga berkaitan dengan hikmah berpuasa serta perkara-perkara sunat yang digalakkan untuk dilakukan pada bulan Ramadan. Selain daripada puasa di bulan Ramadan, terdapat banyak lagi puasa sunat yang dituntut di dalam Islam.

Ibadah zakat ialah ibadah yang memerlukan pengeluaran sebahagian daripada harta yang diperolehi untuk diberikan kepada orang yang lebih memerlukan. Ia sama ada zakat fitrah, zakat harta, zakat pertanian, zakat emas dan perak dan banyak lagi. Zakat yang utama sekali disentuh ialah zakat fitrah yang dikeluarkan pada bulan Ramadan. Ia juga boleh dikatakan sebagai ibadah lanjutan daripada ibadah puasa di bulan Ramadan. Dalam perkara ini fiqh ibadah membincangkan tentang jenis-jenis zakat, sebab yang diwajibkan melakukan zakat, cara melaksanakan zakat serta meliputi syarat lahiriah dan batiniah. Syarat-syarat ini meliputi adab-adab di dalam melaksanakan ibadah zakat (Imam Al-Ghazali:1995). Selain itu, turut juga diperbincangkan berkaitan dengan golongan yang layak menerima zakat yang dikeluarkan serta batas-batasnya. Turut juga disentuh ibadah sedekah secara kerelaan hati serta adab-adab penerima dan pemberi.

Selain itu, ibadah menunaikan haji bagi yang berkemampuan. Menunaikan haji adalah wajib bagi setiap Muslim, akan tetapi ianya mengikut keadaan Muslim tersebut untuk membolehkannya layak pergi menunaikan haji atau tidak. Bagi yang tidak berkemampuan, tanya tidak menjadi satu perlepasan atau pengecualian untuk tidak menunaikannya. Ia juga wajib ditunaikan dengan cara yang lain sama ada mengupah orang lain untuk menunaikan haji baginya atau warisnya sendiri yang melakukannya. Ia juga menyentuh tentang syarat, rukun, syarat bagi golongan yang mampu menunaikan haji, perkara yang diharamkan ketika sedang melakukan haji dan banyak lagi. Selain kewajipan haji, Islam juga menuntut agar umatnya melakukan umrah. Umrah dan haji merupakan ibadah yang sama, yang membezakannya ialah masa untuk melakukan umrah itu boleh dilakukan pada bila-bila masa. Manakala bagi haji, ia perlu ditunaikan pada bulan haji sahaja iaitu selama sebulan. Selain dari itu, perkara yang dilakukan di dalam umrah lebih sedikit berbanding haji. Dengan itu, kebiasaan umrah dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

Selain daripada ibadah utama yang telah disebutkan, terdapat banyak lagi ibadah yang boleh dituntut di dalam Islam. Antaranya ialah *berit'ikaf* di dalam masjid. *I'tikaf* merupakan perbuatan berhenti di dalam masjid dengan disertakan ibadah sunat yang lain seperti sembahyang tahiyat al masjid, membaca Al-Quran, berzikir, diam dan tidak berkata-kata dan sebagainya. Dalam fiqh ibadah juga turut membincangkan berkenaan definisi *i'tikaf*, dalil dan hukumnya serta memyentuh tentang hikmah dan rahsia *berit'ikaf*. Selain itu turut disentuh berkaitan syarat, adab, perkara yang dilarang ketika sedang melakukan *i'tikaf* dan perkara yang diharuskan di dalamnya serta tempat atau kawasan yang sesuai (Abdullah Al-Qari Haji Salleh:1995) untuk melaksanakan *i'tikaf*.

Selain itu juga, yang dikategorikan sebagai ibadah lanjutan daripada ibadah-ibadah utama tersebut ialah ibadah korban yang dilakukan pada bulan Zulhijjah iaitu pada Hari Raya Aidiladha, sembahyang Tarawikh pada malam bulan Ramadan dan sembahyang dua hari raya. Manakala bagi ibadah yang lain ialah ibadah aqiqah, sembahyang sunat gerhana, meminta hujan atau menolak bala, bersuci, perburuan dan sebagainya.

Kesimpulannya segala bentuk atau perbuatan yang baik dan tidak bercanggah dengan syariat, maka ia akan dikira ibadah jika diniatkan kerana Allah. Skop ibadah terlalu luas, ia dari perkara yang ditentukan sehingga kepada perkara yang tidak ditentukan iaitu sekecil-kecil perbuatan seperti mengutip sampah. Jika ia dilakukan dengan ikhlas dan kerana Allah maka ia menjadi ibadah akan menerima ganjaran dari Allah Ta'ala.

Penutup

Jika ditinjau dan diteliti dari aspek penulisan kitab *Minhat al-Qarîb* terutama di dalam bidang fiqh, Tuan Tabal didapati menguasai fiqh Mazhab Syafi'e yang dikira mendominasi fiqh masyarakat Nusantara ketika itu sehinggalah ke hari ini. Ini dapat dilihat apabila perbincangan yang dikemukakan beliau mengenai hal-ehwal berkaitan hukum hakam, kaedah solat dan sebagainya menjurus kepada pandangan Mazhab Syafi'e. Oleh yang demikian, tidak hairanlah bahawa karya beliau ini telah menguatkan pegangan terhadap mazhab ini terutama di kawasan beliau bertapak membuka pondoknya dan daerah-daerah lain. Ia tersebar ke

daerah-daerah lain di Nusantara dengan bantuan anak-anak murid beliau yang datang dari pelbagai pelosok daerah untuk belajar dan berguru dengan beliau dan sudah pastilah apa yang dipelajari itu akan juga disebarkan apabila mereka pulang ke tempat masing-masing. Tidak dinafikan bahawa kekuatan ketokohan, pengajaran dan pandangan yang disampaikan oleh Tuan Tabal ini sebenarnya turut ditambah oleh penghasilan kitab yang dikarangnya. Sebab itulah beliau sehingga ke hari ini, walaupun sudah lebih seabad meninggal dunia, beliau tetap menjadi seorang ulama' yang cukup dikagumi, kerana beliau bukan sahaja mampu menyampaikan idea tetapi turut menghasilkan kitab yang menjadi rujukan ramai.

Bibliografi

- Wan Abdullah Bin Hj. W. Mahmood (1997), *"Tamadun Islam Dan Tamadun Alam Melayu Serta Sumbangannya Kepada Dunia"*, Percetakan Global Printers Sdn. Bhd, h. 120.
- Alias Muhammad (1977), *"Intelijensia Melayu Kelantan Satu Pandangan Awal"*, Mohd Nawi Book Store, h. 27.
- Ibrahim Abu Bakar (2006), *"Kitab-Kitab Agama Melayu Kelantan: Satu Kajian"*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 362.
- Abdullah Tahir (1985), *"Kemunculan Dan Kegiatan Penulis-penulis Kreatif Kelantan Sejak Sebelum Perang Hingga Kini"*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, h. 3.
- Ab Manaf Haji Ahmad & Tajuddin Saman (2005), *"Tokoh-Tokoh Agama Dan Kemerdekaan Di Alam Melayu"*, Kuala Lumpur: Terbitan Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, h. 92.
- Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Hassan (1977), *"Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan, Sejarah Gerakan Dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam Di Jajahan Kota Bharu 1900-1940"*, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, h. 38-40.

- Ismail Che Daud (2001), "*Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*", Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 101.
- Wan Mohd Saghir (2006), *Hubungan Kekeluargaan Tuan Tabal Dengan Dengan Para Ulama Yang Terkenal Sebelum Dan Sesudah Beliau*, Kertas Kerja (tidak diterbitkan), h. 3.
- Abdullah @ Alwi Haji Hassan (2006), "*Kitab-Kitab Agama Kelantan: Kifayat al-'Awwam Oleh Haji Wan Abdul Samad bin Muhammad Salih (Tuan Tabal) (1840-1891)*", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 402.
- Hamdan Hassan (1985), "*Peranan Pendidikan Islam Masjid Muhammadiyah Kota Bharu Pada Permulaan Abad Ke-20 Masihi*", Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, h. 157.
- Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi (2006), "*Sumbangan Syeikh Wan Muhammad Ali Bin Abdul Rahman al-Kelantani Dalam Penulisan Teks-teks Islam (Melayu): Satu Pengenalan*", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 447.
- Asyraf Al-Hasyir, (1996), *Masalah-Masalah Ibadat Puasa, Hari Raya dan Zakat*, Kuala Lumpur: Al Hidayah Publishers, h. 10-100.
- Imam Al-Ghazali, (1995), *Rahsia dan Hakikat Ibadah Puasa dan Zakat*, Kuala Lumpur: Al Hidayah Publishers, h. 50-197.
- Abdullah Al-Qari Haji Salleh, (1995), *I'tikaf Menurut As Sunnah*, Kuala Lumpur: Al Hidayah Publishers, h. 10-70.